

Harga Harta Kediaman Di P.Pinang Mungkin Naik Tahun Ini
Bernama
6 Mac, 2012

BUTTERWORTH, 6 Mac (Bernama) -- Harga harta kediaman kos sederhana di Pulau Pinang dijangka meningkat tahun ini disebabkan oleh permintaan tinggi bagi rumah berharga RM400,000 ke bawah, kata seorang perunding hartanah.

Pengurus Kanan Henry Butcher Malaysia (Seberang Perai) Sdn Bhd, Fook Tone Huat, berkata harta kediaman kategori ini juga tidak terjejas oleh kemelesetan.

Bagi harta mewah, katanya, kadar jualan dijangka beransur perlahan manakala harga berkemungkinan tidak berubah apabila pembeli terus mengambil sikap berhati-hati terhadap ekonomi domestik dan dunia.

"Keadaan tidak menentu dalam ekonomi global dan peraturan baharu oleh Bank Negara Malaysia berkemungkinan memberi tekanan kepada pasaran harta. Bagaimanapun, impaknya tidak ketara kerana pasaran optimis dalam berhati-hati.

"Bagaimanapun, harga harta tidak dijangka turun memandangkan ekonomi tempatan yang agak kukuh dan kesan daripada Program Transformasi Ekonomi," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650319>